

Tukar PM bukan macam tukar kasut

Oleh ROSALINDA MD.SAID
utusanrg@gmail.com

■ MARANG 30 JULAI

PRESIDEN Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berpendapat peralihan jawatan Perdana Menteri tidak boleh dibuat secara tergesa-gesa kerana proses itu bukan semudah mahu menukar kasut.

Abdul Hadi berkata, soal tersebut tidak seharusnya terus dibangkitkan dan menjadi keutamaan segelintir pemimpin Pakatan Harapan (PH), sebaliknya apa yang lebih mustahak adalah memberi fokus terhadap usaha mengotakan janji-janji kepada rakyat yang sehingga kini masih gagal ditunaikan.

“Kalau belum tempoh matang macam mana nak tukar? Tak kan nak tukar (Perdana Menteri) tengah jalan? Jadi Perdana Menteri bukan macam pa-

kai kasut yang sekejap-sekejap boleh ditukar, biar sampai betul-betul stabil.

“Beliau (Tun Dr. Mahathir Mohamad) ada pengalaman dan merupakan Perdana Menteri yang paling lama, jadi bagi peluang kepadanya selagi beliau mampu melaksanakan tugas itu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di kediamannya sejurus selesai program Daurah Kitab Kupasan Berpolitik daripada Kalam Wahyu (Tafsir al-Quran) sempena Ihtifal Idul Ilmi Maa-had Darul Quran (MDQ) Ke-28 di Masjid Rusila, di sini hari ini.


Abdul Hadi sebelum ini dilaporkan berkata, Dr. Mahathir tidak wajar dipaksa melepaskan jawatan sebagai Perdana Men-

teri kerana beliau telah memimpin PH pada pilihan raya lalu dan dipilih majoriti rakyat.

Di samping itu, beliau juga pernah menyatakan yang Perdana Menteri ketujuh itu tidak sepatutnya meletakkan jawatan jika hanya mahu memberi laluan kepada Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk mengambil alih jawatan tersebut.

Terbaharu, katanya, Pas dan UMNO sebagaimana pendirian yang diputuskan sebelum ini akan memberikan dukungan penuh kepada Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri sehingga akhir penggal.

Kenyataan itu dialu-alukan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dalam laporan akhbar semalam.



ABDUL HADI AWANG

Um - 31/7/2019 mps: 8